

Sekolah tak dipaksa anjur Minggu Solidariti Palestin

PM ingatkan pentadbir kawal program elak timbul masalah

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Dengkil: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan supaya penganjuran Minggu Solidariti Palestin oleh sekolah di seluruh negara, dikawal supaya tidak menimbulkan sebarang masalah.

Untuk itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan menyerahkan sepenuhnya kepada pentadbiran sekolah untuk membuat pertimbangan sewajarnya berhubung program dianjurkan Kementerian Pendidikan (KPM) itu.

Beliau menegaskan, meskipun program itu digalakkan, tiada paksaan kepada pihak sekolah untuk menganjurkannya.

"Tadi kita sudah bincang dalam Kabinet, kita galakkan (ia dianjurkan tetapi), tidak paksa semua sekolah (menganjurkannya). Cuma sekolah kena kawal agar tidak menimbulkan masalah," katanya ketika ditemui selepas solat Jumaat di Masjid Al-Ilmi, Kampung Dato Ahmad Razali, di sini, semalam.

Sebelum ini, tular foto kanak-kanak memegang senjata mainan didakwa berkaitan dengan Minggu Solidariti Palestin yang dianjurkan di sekolah.

Tindakan itu mengundang



Anwar bersalaman dengan orang ramai selepas solat Jumaat di Masjid Al-Ilmi, Kampung Dato Ahmad Razali, Dengkil, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

kecaman pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tertentu yang menyifatkannya sebagai 'mengejut dan menakutkan'.

Sehubungan itu, beberapa NGO membantah arahan supaya sekolah mengadakan Minggu Solidariti Palestin pada 29 Oktober hingga 3 November ini.

Selain itu, kerajaan juga digesa memastikan institusi pendidikan tidak dibabitkan dengan isu konflik antarabangsa, perang dan pertikaian agama.

Malaysia kekal pendirian

Dalam perkembangan berasingan, Anwar menegaskan, Malaysia kekal dengan pendirian dalam serangan di Palestin mesti dihentikan dan bantuan kemanusiaan disalurkan segera.

Katanya, Malaysia tidak pe-

duli dengan keputusan dicapai dalam Persidangan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) kelmarin, sebaliknya terus menggesa serangan dihentikan.

"Kita tidak peduli apa keputusan lain, tetapi hak rakyat Palestin mesti diberi, soal tanah, harta dan maruah mereka mesti diberi keutamaan.

"Tetapi yang mesti disegerakan ialah hentikan serangan dan salurkan bantuan kemanusiaan yang juga menjadi keutamaan kepada negara Islam," katanya.

Beliau berkata, Malaysia terus menjalinkan kerjasama dengan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Liga Arab serta mengadakan rundingan setiap hari untuk perkembangan semasa.

"Tumpuan sekarang ialah dalam soal bantuan kemanusiaan seperti makanan dan perubatan, pada masa sama Presiden Mesir, Abdel Fattah El-Sisi juga memberi jaminan bantuan berkenaan dari Rafah akan disegerakan," katanya.

Semalam, UNSC gagal mencapai persetujuan menghentikan Perang Israel-Palestin ketika krisis kemanusiaan di Gaza semakin meruncing.

Russia dan China menggunakan kuasa veto masing-masing menolak resolusi Amerika Syarikat supaya perang dihentikan seketika bagi menyalurkan bantuan kemanusiaan ke kawasan konflik, manakala resolusi Russia supaya gencatan senjata dilaksanakan tidak mendapat undian mencukupi.